

# Laporan Ketua Audit Negara 3 kali setahun

» Langkah antara 20 inisiatif dicadangkan NKRA

Oleh Norfatimah Ahmad  
tim@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan di Parlimen tiga kali setahun, berbanding hanya sekali sebelum ini.

Langkah ini antara 20 inisiatif dicadangkan Makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah untuk pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 yang

akan dilancarkan tahun depan.

Pengarah NKRA Rasuah, Datuk Hisham Nordin, berkata inisiatif ke-11 itu bagi membolehkan tindakan susulan dilaksanakan dan seterusnya diselesaikan dengan lebih cepat.

"Jika sebelum ini, laporan prestasi dan kewangan setebal hampir 1,000 muka surat dihasilkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku ketiga setiap tahun, kini laporan itu akan lebih fokus kerana setiap pembentangan laporan mem-babitkan jumlah kajian kes yang kecil.

## Pembentangan disegera

"Setiap kali laporan kajian kes selesai, ia akan terus dibentangkan pada sidang Parlimen yang terdekat, berbanding sebelum ini laporan keseluruhan dikumpulkan dan dibentangkan

serentak," katanya di sini, semalam.

GTP yang berakhir 2015 itu meletakkan 20 inisiatif di bawah empat pendekatan iaitu agensi penguat kuasa, rasuah besar, perolehan kerajaan serta terbaru, pendidikan dan sokongan awam.

Daripada jumlah itu, 14 inisiatif dikenal pasti sebagai Big Fast Result (BFR) kerana di-



## INFO

### Laporan Ketua Audit Negara

- ⊗ Sekarang dibentangkan di Parlimen sekali setahun
- ⊗ NKRA mencadangkan dibentangkan di Parlimen tiga kali setahun

anggap memberi impak dan hasil yang pantas.

Hisham berkata, saranan ini juga bermakna pembentangan hasil laporan audit itu tidak akan tertangguh sehingga lebih setahun sebelum dicetak dan dibentangkan di Parlimen.

"Misalnya, jika audit prestasi yang biasanya diselesaikan dalam masa empat bulan iaitu Ogos 2010, hanya selepas 14 bulan iaitu Oktober 2011 ia akan dibentangkan di Parlimen dan pada masa sama ia sah untuk dilihat orang ramai," katanya.

## Laksana perubahan

Sementara itu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata pihaknya sudah bersedia untuk melaksanakan perubahan yang disarankan makmal NKRA Rasuah itu.

"Ada beberapa perubahan perlu dilakukan bagi memastikan laporan hasil kajian disiapkan dan dicetak untuk dibentangkan di Parlimen setiap empat bulan," katanya.

Beliau berkata, walaupun belum dimuktamadkan, langkah itu dianggap yang terbaik supaya isu yang diketengahkan mendapat perhatian semua pihak dan menjadi iktibar.

# Selesai semua isu laporan audit

BERTA HARIAN 17/8/2012

» Kerajaan akan tubuh Inkuisisi Putrajaya di bawah NKRA Rasuah

Oleh Norfatimah Ahmad  
tim@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan akan menubuhkan badan khas dinamakan Inkuisisi Putrajaya untuk menyelesaikan semua isu didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sehingga ke peringkat akar umbi.

Badan itu akan dipengerusikan Perdana Menteri dan dianggotai Ketua Setiausaha Negara, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian

Kewangan dan semua kementerian berkaitan.

Penubuhannya disarankan Makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah bagi mengelak kesilapan atau kelemahan sama berulang.

Pengarah NKRA Rasuah, Datuk Hisham Nordin, berkata campur tangan Perdana Menteri penting kerana ia akan mempercepatkan proses membuat keputusan, sekali gus memendekkan penyelesaian kes.

**Bantu selesai isu tertunggak**  
"Inkuisisi Putrajaya bertujuan menyelesaikan semua isu tertunggak dari tahun sebelum-

nya seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

"Dengan matlamat mengelak kesalahan sama berulang, anggotanya akan mengenalpasti punca sebelum merangka strategi penyelesaian terbaik seperti perubahan dalam struktur organisasi, pekeliling dan undang-undang berkaitan," katanya kepada BH.

Ia adalah inisiatif ke-14 daripada 20 inisiatif yang dirangka bagi menggerakkan NKRA Rasuah menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 yang bermula tahun depan hingga 2015.

Semua inisiatif diletak di bawah empat pendekatan, ia-

itu agensi penguat kuasa, rasuah besar, perolehan kerajaan serta terbaru, pendidikan dan sokongan awam. Daripada jumlah itu, 14 inisiatif dikenal pasti sebagai Big Fast Result (BFR) kerana dianggap memberi impak dan hasil yang pantas.

Hisham memberikan contoh pembelian teropong yang didedahkan dalam laporan sebelum ini mendorong kepada saranan supaya harga pasaran menjadi elemen wajib sebelum kertas cadangan tender dikemukakan.

Inkuisisi Putrajaya akan berunding sekali setahun iaitu setiap awal Disember.